

**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR
BRIG. JEN. PROF. DATUK SERI PANGLIMA
DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON
TAKLIMAT RINGKAS UNTUK SESI TAKLIMAT IBU BAPA SEMPENA
MINGGU SUAI MESRA SESI 2010/2011
4 Julai 2010 (Ahad)
Laman Graduan, Dewan Canselori, UMS**

Terima kasih kepada Pengerusi Majlis

Bismillahirrahmannirrahim,

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

YANG BERUSAHA PROF. MADYA DR. HJ. KASIM HJ. MD. MANSUR

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni

YANG BERUSAHA PROF. DR. AMRAN BIN AHMED

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa

YANG BERUSAHA PROF. DR. ROSNAH ISMAIL

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi

Pegawai-pegawai Utama

Dekan-Dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Para ibu bapa,

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu dalam Sesi Taklimat Khas Ibu Bapa Sempena Minggu Suai Mesra Universiti Malaysia Sabah Sesi 2010/2011. Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada semua ibu bapa yang sudi hadir pada hari ini.

Saya mewakili pihak Universiti Malaysia Sabah ingin mengucapkan selamat datang ke UMS, kampus yang indah dan ceria. Sememangnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan untuk bersama-sama dengan warga universiti pada hari ini sangat kami alu-alukan. Kami turut berbesar hati dan menghargai kepercayaan yang diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan untuk menjadikan UMS sebagai pilihan institusi pengajian tinggi yang terbaik untuk anak-anak.

Para hadirin sekalian,

Universiti Malaysia Sabah ditubuhkan pada 24 November 1994 dan merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ke-9 di Malaysia. Walaupun baru mencecah usia 16 tahun, universiti ini telah melakar pelbagai coretan bersejarah melalui pencapaian-pencapaian yang memberangsangkan dalam pelbagai aspek termasuk bidang akademik dan penyeldikan. UMS juga kini mendapat pengiktirafan sebagai antara universiti tercantik di Asia Tenggara. Sehubungan itu, tahniah saya ucapkan kepada para ibu bapa sekalian, kerana sesungguhnya pilihan anda untuk menghantar anak-anak melanjutkan pelajaran di sini sememangnya sesuai dan tepat. Kerana di sini bukan sahaja indah dari segi pencapaian akademiknya, indah dari segi persekitarannya, tetapi di UMS juga indah dari segi budaya dan perpaduan erat di kalangan kepelbagaian etniknya. Tidak kira dari suku kaum mana pun, apa pun jua jenis agama yang dianuti, UMS sentiasa mencerminkan budaya 1Malaysia dari dulu, kini, dan saya pasti untuk selama-lamanya.

Oleh yang demikian, janganlah risau dan bimbang. Kami warga UMS akan berusaha membantu mahasiswa dan mahasiswi baru ini untuk bercambah dan bertumbuh menjadi insan yang bukan sahaja berilmu malah berdaya saing dalam menempuhi era globalisasi yang kian mencabar. Untuk pengetahuan para ibu bapa, UMS juga mempunyai rekod yang sangat baik dalam melahirkan pelajar-pelajar cemerlang dalam aktiviti kokurikulum sehingga mampu mencapai kejayaan di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Ini membuktikan bahawa kemampuan UMS bukan sahaja menjurus dalam bidang akademik sahaja tetapi turut meliputi bidang yang lain.

Para hadirin sekalian,

Sempena menyambut pelajar baru ini, pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah merancang Program Minggu Suai Mesra yang telah bermula sejak semalam (3 Julai 2010) sehingga 9 Julai ini. Ini merupakan komitmen dan keprihatinan kami di UMS untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dengan memberikan pengisian-pengisian yang berguna kepada mahasiswa/i sebaik sahaja mereka mendaftar diri. Ia juga bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar baru tentang budaya pembelajaran dan cara hidup di universiti, disamping mempersiapkan diri mereka dengan fasa baru dalam kehidupan sebagai mahasiswa dan mahasiswi UMS.

Kepada para ibu bapa sekalian, syabas diucapkan kerana sentiasa tabah dan gigih mendidik anak-anak. Saya percaya dedikasi dan kesabaran anda-lah yang menjadi ramuan utama kejayaan bagi mereka untuk memasuki menara gading yang sememangnya merupakan impian setiap pelajar semenjak berada di bangku sekolah lagi. Semua ini pastinya tidak mampu dicapai sekiranya tidak timbul kesedaran mengenai peri pentingnya menimba ilmu.

Sebagai makluman para ibu bapa, UMS mempunyai prasarana yang lengkap dan canggih untuk keperluan dan keselesaan para pelajar. Antaranya ialah

kemudahan perpustakaan yang boleh memuatkan kira-kira 4,000 pelajar dalam satu-satu masa, perkhidmatan ICT untuk mengakses maklumat disamping bilik dan dewan kuliah yang kondusif. Selain itu, kompleks sukan yang menarik dan lengkap dengan pelbagai kemudahan senaman dan rekreasi serta kolej kediaman yang bersih pasti akan membuatkan anak-anak anda merasakan kampus UMS sebagai rumah kedua bagi mereka. Apa tidaknya, di sini juga turut dilengkapi dengan pusat rawatan atau klinik, sistem pengawalan sekuriti 24 jam dan sebagainya. Pendek kata, semuanya telah lengkap disediakan oleh pihak universiti. Malah sekiranya mereka ingin membeli barang-barang keperluan, para pelajar tidak perlu pergi ke tempat jauh, kerana dengan hanya berjalan kaki, para pelajar boleh sampai ke 1Borneo Hypermall yang terletak bersebelahan dengan UMS.

Rasanya kemudahan ini belum lengkap sekiranya bantuan pembiayaan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan tidak ada. Sehubungan itu, UMS turut menyediakan bantuan dan bimbingan dalam pengurusan pinjaman dan biasiswa bagi para pelajar yang tidak berkemampuan sekaligus meringankan bebanan yang ditanggung oleh ibu bapa. Selain daripada Yayasan Universiti Malaysia Sabah, pelajar juga boleh memohon bantuan kewangan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan tinggi Nasional (PTPTN), MARA atau Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Para hadirin sekalian,

Sebagai ibu bapa, saya percaya bahawa kita mahukan yang terbaik untuk anak-anak kita. Kami di UMS juga mengharapkan perkara yang sama. Oleh yang demikian, pihak universiti memberi tanggungjawab kepada satu jabatan khas iaitu Jabatan Hal Ehwal Pelajar yang sepenuhnya bertanggungjawab untuk memantau dan menjaga keperluan serta kebajikan para pelajar. Pelajar-pelajar yang mempunyai sebarang masalah boleh berkunjung ke *One Stop Center* yang terletak di Jabatan tersebut. Sesungguhnya pintu Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan

Alumni UMS sentiasa terbuka untuk membantu mahasiswa dan mahasiswi yang ingin mendapatkan bantuan atau memerlukan apa-apa maklumat.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para ibu bapa kerana telah memilih dan memberi kepercayaan kepada UMS sebagai universiti terbaik untuk anak-anak melanjutkan pengajian. Kami di pihak UMS akan terus berusaha untuk memberikan khidmat dan curahan ilmu yang terbaik bagi memastikan anak-anak anda mendapat ilmu pendidikan yang tinggi dan mampu menyumbang kepada kepesatan pembangunan di negara ini.

Untuk itu saya akhiri ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh. Sekian. Terima Kasih.